



**SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA**

## **KENYATAAN MEDIA**

**Bil.35/2018**

### **ISU PEMILIH YANG MENINGGAL DUNIA MASIH TERSENARAI DALAM DAFTAR PEMILIH PILIHAN RAYA PRU-14**

1. Berikutan kenyataan pihak Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) berkaitan isu penuluran maklumat tentang mendiang MM Narayanan Nair A/L T.Narayanan Nair yang telah meninggal dunia pada 2003 tetapi nama beliau masih tersenarai dalam Daftar Pemilih Pilihan Raya Umum Ke-14. Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) akan mengambil tindakan segera untuk memotong nama pemilih berkenaan dalam Daftar Pemilih PRU-14. SPR menegaskan bahawa ia tidak boleh sewenang-wenangnya memotong nama seseorang pemilih tanpa pengesahan kematian mereka oleh JPN.
2. SPR telah membuat semakan dan mendapati nama pemilih tersebut tidak pernah dipotong dan namanya kekal dalam senarai Daftar Pemilih sejak ia didaftarkan pada 1994. Sehubungan dengan itu dakwaan pihak berkenaan mengenai nama mendiang pernah dikeluarkan dan dimasukkan semula ke dalam Daftar Pemilih menjelang PRU-14 adalah tidak benar.

Sekian dan terima kasih.

**TAN SRI MOHD HASHIM BIN ABDULLAH**

Pengerusi

Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR)

PUTRAJAYA

Tarikh : 26 April 2018 / 10 Syaaban 1439H